

1. Soalan yang berikut berdasarkan gambar di bawah ini.



Suara penyanyi terkenal itu _____.

- ☐ A merdu bagai buluh perindu
- ☐ B tajam seperti sembilu
- ☐ C garang seperti singa
- ☐ D tenang seperti tasik

2. Pilih peribahasa yang paling sesuai berdasarkan pernyataan yang diberikan.

Izra baru sahaja bekerja di syarikat itu tetapi dia sudah dapat menyesuaikan diri dengan rakan-rakan sekerjanya.

- ☐ A malu bertanya sesat jalan
- ☐ B ke tengah boleh, ke tepi pun boleh
- ☐ C kalau di bawah melompat, kalau di atas menyusup
- ☐ D kalau asal benih yang baik, jatuh ke laut menjadi pulau

3. Pilih peribahasa yang paling sesuai berdasarkan pernyataan yang diberikan.

Segala nasihat ibu bapanya dan rakan-rakan tidak diendahkan oleh Affandi. Dia tetap melepak di pusat beli-belah dan bergaul dengan budak-budak nakal.

- ☐ A tepuk dada tanya selera
- ☐ B nasi sudah menjadi bubur
- ☐ C sediakan payung sebelum hujan
- ☐ D seperti mencurahkan air di daun keladi

4. *Pilih peribahasa yang paling sesuai berdasarkan dialog yang diberikan.*

Teck Kim: Banyak penyokong tidak berpuas hati terhadap pengadil perlawanan malam ini. Tampaknya keputusan yang dibuatnya tidak adil.

Zahari : Yalah, saya setuju dengan pendapat kamu itu. Sepatutnya, pemain lawan yang diberikan kad kuning. Memang pemain itu telah menolak Sani sehingga terjatuh.

- ☐ A seperti orang mabuk gadung
- ☐ B umpama jari di tangan, ada bercincin ada tidak
- ☐ C ibarat telur sesangkak, pecah sebiji pecah semua
- ☐ D umpama memerah nyiur, santan diambil hampas dibuang

5. *Pilih peribahasa yang paling sesuai berdasarkan pernyataan yang diberikan.*

Setiap hari, Zafrul akan menyimpan sebahagian daripada duit belanjanya di dalam tabung. Akhirnya, dengan duit simpanannya itu, Zafrul dapat membeli sebuah kereta.

- ☐ A sedikit-sedikit lama-lama menjadi bukit
- ☐ B di mana ada kemahuan di situ ada jalan
- ☐ C genggam bara api biar sampai jadi arang
- ☐ D kalau tidak dipecahkan ruyung manakan dapat sagunya

6. *Pilih peribahasa yang paling sesuai berdasarkan pernyataan yang diberikan.*

Sulaiman dan Salasiah menjaga anak tunggal mereka dengan penuh kasih sayang.

- ☐ A seperti limau masak seulas
- ☐ B seperti cincin dengan permata
- ☐ C seperti bangau kasih akan kerbau
- ☐ D seperti menatang minyak yang penuh

7. *Pilih peribahasa yang paling sesuai berdasarkan pernyataan yang diberikan.*

Lee Keat langsung tidak mengendahkan nasihat Cikgu Bahri agar menumpukan perhatian pada pelajaran dan tidak membazir masa di pusat beli-belah.

- ☐ A seperti telinga kual
- ☐ B seperti lipas kudung
- ☐ C seperti duduk dalam duri
- ☐ D seperti cicak makan kapur


8. Maksud peribahasa "umpama minyak setitik, di laut sekalipun timbul jua" ialah...

- ☐ A seseorang mudah melupakan kebaikan atau jasa orang lain kepadanya.
- ☐ B seseorang yang berbuat jasa akan dikenang oleh orang sepanjang masa.
- ☐ C seseorang yang tidak mahu mendengar atau menghargai nasihat yang diberikan.
- ☐ D seseorang yang baik walau di mana-mana dia berada sekalipun akan dimuliakan juga.

9. Puan Devi menyuruh anaknya belajar bersungguh-sungguh jika mahu menjadi _____.

- ☐ A lancar seperti air
- ☐ B rajin seperti semut
- ☐ C cantik bagai bidadari
- ☐ D bijak seperti pendeta

10. Lihat gambar di bawah ini dengan telitinya. Berdasarkan pasangan gambar tersebut, pilih **satu** peribahasa yang sesuai.



- ☐ A seperti harimau menunjukkan belangnya
- ☐ B seperti harimau menyembunyikan kukunya
- ☐ C hidup dikandung adat mati dikandung tanah
- ☐ D harimau mati meninggalkan belang manusia mati meninggalkan nama

11. Pilih peribahasa yang paling sesuai berdasarkan pernyataan yang diberikan.

Encik Shuib menolak tawaran untuk membina sebuah jambatan kerana kononnya dia telah ditawarkan untuk membina bangunan bernilai RM1.5 juta. Tiga bulan telah berlalu tetapi Encik Shuib masih belum menerima tawaran tersebut.

- ☐ A berjagung-jagung dahulu sementara menunggu padi masak
- ☐ B harapkan guruh di langit, air di tempayan dicurahkan
- ☐ C ikut resmi padi, makin berisi makin tunduk
- ☐ D makin murah makin menawar

12. Lihat gambar di bawah ini dengan teliti. Berdasarkan **situasi** dalam gambar tersebut, pilih **dua** peribahasa yang sesuai.



	Peribahasa
I	seperti cincin dengan permata
II	seperti anjing dengan kucing
III	bagai langit dengan bumi
IV	bagai pinang dibelah dua

- ☐ A I dan II
☐ B II dan III
☐ C III dan IV
☐ D I dan IV

13. Lihat gambar di bawah ini dengan teliti. Berdasarkan **situasi** dalam gambar tersebut, pilih dua peribahasa yang sesuai.



	Peribahasa
I	bagai air di daun keladi
II	bagai air titik ke batu
III	bagai gembala diberi keris
IV	api padam puntung berasap

- ☐ A I dan II
☐ B II dan III
☐ C III dan IV
☐ D I dan IV

14. Pilih peribahasa yang paling sesuai berdasarkan pernyataan yang diberikan.

Kamalesh hendak meniru lagak orang kaya tetapi dirinya sendiri yang susah.

- ☐ A kalah jadi abu, menang jadi arang
☐ B lembu punya susu, sapi dapat nama
☐ C enggang sama enggang, pipit sama pipit
☐ D gajah berak besar, kancil pun hendak berak besar

15. Pilih peribahasa yang paling sesuai berdasarkan pernyataan yang diberikan.

Keputusan pertandingan juara lagu sudah diketahui umum namun masih banyak peminat seni tanah air yang bercakap-cakap tentangnya.

- ☐ A menangguk di air keruh
☐ B orang mengantuk disorongkan bantal
☐ C sebab nila setitik rosak susu sebelanga
☐ D rumah sudah siap, pahat masih berbunyi

16. *Pilih peribahasa yang paling sesuai berdasarkan pernyataan yang diberikan.*

Walaupun penduduk kampung itu tidak banyak tetapi hubungan mereka sangat akrab dan sukar untuk dipisahkan.

- ☐ A berat sama dipikul, ringan sama dijinjing
- ☐ B cubit peha kanan, peha kiri pun sakit juga
- ☐ C ke bukit sama didaki, ke lurah sama dituruni
- ☐ D belut pulang ke lumpur, ikan pulang ke lubuk

17. *Pilih peribahasa yang paling sesuai berdasarkan pernyataan yang diberikan.*

Encik Dahlan menafikan khabar angin bahawa dia akan meletakkan jawatan sebagai Timbalan Pengarah di Syarikat Ehsan walaupun semua pekerja telah mengetahui perkara tersebut.

- ☐ A kalau secupak tidak boleh jadi segantang
- ☐ B kalau dicampak bunga, takkan dibalas dengan tahi
- ☐ C kerana pulut santan binasa, kerana mulut badan binasa
- ☐ D jika tidak kerana angin, pokok kayu mahukah bergoyang

18. *Soalan yang berikut berdasarkan gambar di bawah ini.*



Muka Rafizi _____ apabila dimarahi oleh ayahnya kerana mendapat markah yang rendah dalam ujian Bahasa Inggeris.

- ☐ A putih seperti kapas
- ☐ B pucat seperti mayat
- ☐ C masam seperti cuka
- ☐ D ganas seperti harimau

19. Lihat gambar di bawah ini dengan teliti. Berdasarkan **situasi** dalam gambar tersebut, pilih **dua** peribahasa yang sesuai.



	Peribahasa
I	bagai aur dengan tebing
II	bagai beliung dengan asahan
III	bersatu kita teguh bercerai kita roboh
IV	hendak seribu daya tak hendak seribu dalih

- ☐ A I dan III
☐ B II dan III
☐ C II dan IV
☐ D I dan IV

20. Pilih peribahasa yang paling sesuai berdasarkan dialog yang diberikan.

Ibu: Kamu hendaklah mendidik anak kamu itu supaya hormat pada orang tua sejak kecil lagi. Kalau dah besar nanti, susah pula hendak diajarnya.
Alia: Baiklah, ibu. Nasihat ibu itu akan saya turuti.

- ☐ A kecil tapak tangan, nyiru kami tadahkan
☐ B melentur buluh biarlah daripada rebungunya
☐ C ke hulu menongkah surut, ke hilir menongkah pasang
☐ D kalau asal benih yang baik, jatuh ke laut menjadi pulau